

03/10/2003

Perbezaan pendapat bukti Pas tidak ikhlas

PERCANGGAHAN pendapat di kalangan pemimpin Pas bukan sesuatu yang pelik, malah sudah menjadi perkara biasa. Ini jelas menunjukkan tiadanya kesepakatan di kalangan mereka dalam menangani sesuatu isu membabitkan parti, selain sikap sebenar pemimpinnya yang hanya pandai berdolak-dalik. Terbaru, perbezaan pandangan mengenai pendirian Pas berhubung negara Islam antara Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dengan Naib Presidennya, Datuk Mustafa Ali, membuktikan bahawa perkara itu bukanlah matlamat sebenar parti berkenaan, sebaliknya dijadikan alat untuk memancing undi demi kepentingan politik semata-mata.

Sehubungan itu, kita tidak hairan jika Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak terkejut dengan perkara berkenaan kerana selama 22 tahun memimpin negara, beliau sudah faham benar dengan tabiat pemimpin parti pembangkang itu. Seperti kata Perdana Menteri, Pas sememangnya menggunakan negara Islam sebagai isu untuk menarik pengundi sedangkan perkara berkenaan tidak perlu dilakukan kerana Malaysia bukan saja sudah diiktiraf sedemikian di seluruh dunia, malah menjadi contoh kepada negara Islam lain. Hanya Pas yang tidak mahu mengakui hakikat itu dan menabur fitnah hingga mengelirukan rakyat, termasuk pengikutnya.

Kita berani berkata demikian kerana Pas sehingga kini masih gagal membuktikan kesungguhan mereka untuk mewujudkan negara Islam seperti yang mereka mahukan. Malah, ketika muktamar parti itu baru-baru ini, ramai ahlinya sendiri khususnya di kalangan Pemuda membidas dan mengecam pucuk pimpinan parti itu yang didakwa gagal mengemukakan 'blueprint' memorandum negara Islam kepada rakyat, walaupun perkara berkenaan sudah lama dibincangkan. Mungkin kerana desakan seperti itulah Hadi secara tergesa-gesa mengumumkan bahawa Kerajaan Pas Terengganu akanewartakan Enakmen Undang-undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) sebelum akhir bulan ini dan menguatkuasakannya serta-merta.

Ternyata kenyataan terburu-buru itu menyebabkan tembelang pemimpin Pas pecah. Mereka sebenarnya tidak ikhlas memperjuangkan Islam. Percanggahan pendapat antara Hadi dan Mustafa membuktikan Pas hanya memperalatkan agama untuk mempengaruhi rakyat. Mereka memang pandai bermuka-muka apabila di kalangan orang Melayu termasuk penyokongnya, mereka berikrar untuk menubuhkan negara Islam, tetapi di depan orang bukan Islam terutama orang asing, mereka mendakwa negara Islam bukan objektif dalam perlembagaan Pas, sebaliknya media menggunakan istilah itu untuk menakutkan orang bukan Islam. Itulah wajah sebenar pemimpin Pas yang pandai bersandiwara.